

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN

PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA UTeM SIRI 3/2007

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM BAKTI SISWA UTeM SIRI 3/2007**

TEMPAT:

**DEWAN BESAR PINANG TUNGGAL
KEPALA BATAS, PULAU PINANG**

TARIKH :

17 JUN 2007

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS
PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA UTeM SIRI
3/2007 BERTEMPAT DI DEWAN BESAR PINANG
TUNGGAL, KEPALA BATAS, PULAU PINANG PADA
17 JUN 2007 JAM 10 PAGI.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSLAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Y.B DATO' HJ ROSLAN BIN SAIDIN

AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PINANG
TUNGGAL, KEPALA BATAS, PULAU PINANG

YBHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI, UTeM

YANG DIHORMATI KETUA-KETUA MASYARAKAT

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PENDUDUK

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA
HORMATI

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH
SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN
RAHMATNYA MAKAN DIBERI KESEMPATAN KEPADA
KITA UNTUK BERKUMPUL PADA PAGI INI BAGI
MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
BAKTI SISWA UTeM SIRI 3/2007INI.

SAYA BAGI PIHAK UNIVERSITI TERLEBIH DAHULU
MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN
DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PENDUDUK
KAMPUNG YANG TERLIBAT IAITU:

- I) KAMPUNG SETOL
- II) KAMPUNG BAHRU

- III) KAMPUNG BUMBUNG LIMA
- IV) KAMPUNG PAYA KELADI
- V) KAMPUNG SELAMAT
- VI) KAMPUNG TOK BEDU

UCAPAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA YB DATO' HJ ROSLAN BIN SAIDIN, ADUN PINANG TUNGGAL YANG SUDI HADIR DALAM KESIBUKAN SEBAGAI WAKIL RAKYAT KE MAJLISINI. KEPRIHATINAN YANG BERHORMAT HADIR KE MAJLISINI MERUPAKAN SATU PENGHARGAAN KEPADA KAMI DAN INSYAALLAH PROGRAM YANG BERLANGSUNG SELAMA 04 HARIINI AKAN MENCAPAI MATLAMATNYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PROGRAM BAKTI SISWA (BAKSIS)INI MERUPAKAN YANG KE 9 DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI

SEJAK PERTAMA KALI IA DIADAKAN PADA TAHUN 2003. PADA TAHUN 2007INI JUMLAH PELAJAR YANG TERLIBAT DALAM BAKSIS ADALAH SEBANYAK 200 ORANG.

BAKSISINI TELAH DIADAKAN DI PELBAGAI NEGERI IAITU MELAKA, KELANTAN, PAHANG, NEGERI SEMBILAN, TERENGGANU DAN JOHOR. NAMUN BEGITUINI ADALAH PROGRAM BAKSIS YANG PERTAMA DIADAKAN DI PULAU PINANG, PULAU MUTIARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

OBJEKTIF UTAMA PROGRAMINI DIADAKAN IALAH SUPAYA MAHASISWA-MAHASISWI UTeM DAPAT MENDEKATKAN DIRI DENGAN MASYARAKAT DI SESEBUAH TEMPAT DI MANA BAKSIS DIADAKAN.INI

AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA MEMPELAJARI KEHIDUPAN DI SITU.

PADA KALI INI PESERTA PROGRAM ADALAH SERAMAI 60 ORANG YANG TERDIRI DARIPADA 30 LELAKI DAN 30 PEREMPUAN. PROGRAM YANG DIADAKAN SECARA SUKARELAINI AKAN MEMBERI SATU BENTUK PENDEDAHAN BARU KEPADA MEREKA SUPAYA DAPAT MEMPELAJARI BUDAYA DAN ADAT RESAM PENDUDUK KAMPUNG DI SINI.

NILAI-NILAI MURNI AMALAN PENDUDUK KAMPUNG SEPERTI HORMAT-MENGHORMATI, SALING BERTEGUR SAPA, BERGOTONG ROYONG, ZIARAH MENZIARAHIDAN SEBAGAINYA ADALAH NILAI-NILAI MULIA YANG PERLU DIPUPUK KEPADA GENERASI MUDA HARI INI SUPAYA MEREKA MEMPUNYAI JATI DIRI YANG KUKUH.

JUSTERU ITU, PROGRAM BAKSISINI ADALAH SATU BENTUK PROSES PEMBELAJARAN DAN MENAMBAHKAN KEMATANGAN KEPADA MEREKA BAGI MENERAPKAN NILAI-NILAI TERSEBUT.

PENGALAMANINI PERLU DILALUI SENDIRI UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI LEBIH BERTIMBANG RASA DAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP MASYARAKAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI.

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIATUR SEPANJANG PROGRAMINI BERLANGGSUNG IAITU:

- I) PENYERAHAN PELAJAR UNTUK DIBIMBING OLEH KELUARGA ANGKAT
- II) PROGRAM GOTONG ROYONG
- III) SOLAT SECARA BERJEMAAH DI MASJID

- IV) BENGKEL PENGGUNAAN KOMPUTER DAN ICT OLEH PELAJAR
- V) KELAS BIMBINGAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS, MATEMATIK DAN SAINS OLEH PELAJAR UTeM KEPADA PELAJAR TAHUN 4, 5 DAN 6
- VI) SUKANEKA DENGAN PENDUDUK KAMPUNG
- VII) PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN OLEH PELAJAR UTeM DAN PENDUDUK KAMPUNG
- IA MERUPAKAN AKTIVITI-AKTIVITI KEMASYARAKATAN YANG DAPAT MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA WARGA UNIVERSITI DENGAN PENDUDUK DI SINI.
- HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI
- MAHASISWA-MAHASISWI HARIINI ADALAH HARAPAN BANGSA YANG BAKAL MEWARISI KEPIMPINAN NEGARA UNTUK MEMBAWA MALAYSIA KE MERCU KECEMERLANGAN. SEBAGAI PEMIMPIN MUDA, MEREKA PERLU AKTIF BERPESATUAN DAN MENYERTAI PROGRAM-PROGRAM KEMASYARAKATAN SEUMPAMAINI SUPAYA MEREKA DAPAT MEMBUKA MINDA SERTA DAPAT Mengimbangi KECEMERLANGAN AKADEMIK DENGAN TUNTUTAN SOSIAL.
- SIFAT-SIFAT KEPIMPINAN SEPERTI KEPERIBADIAN UNGGUL DAN BERKARISMA PERLU DIPERTEGUHKAN SEAWAL DI PERINGKAT UNIVERSITI LAGI. BAKSIS YANG DIADAKANINI DAPAT MEMUPUK SEMUA CIRI-CIRI TADI SUPAYA MEREKA BENAR-BENAR MANTAP UNTUK MEMIKUL AMANAH SEBAGAI PEMIMPIN MASA DEPAN.

DENGAN ITU MATLAMAT BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG SYUMUL DAN BERILMU SERTA MENJADI ROLE MODEL KEPADA MASYARAKAT AKAN DAPAT DICAPAI MELALUI PENGALAMAN INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SEBELUM MENGUNDUR DIRI, SAYA INGIN MEMOHON KEMAAFAN TERLEBIH DAHULU KEPADA SEMUA PENDUDUK KAMPUNG YANG TERLIBAT, TERUTAMANYA KEPADA KELUARGA ANGKAT PELAJAR-PELAJAR SAYA SEKIRANYA TERDAPAT PELAJAR-PELAJARINI MENIMBULKAN MASALAH.

SESUAI DENGAN KONSEP KELUARGA ANGKAT YANG DILAKUKAN, SAYA MOHON SUPAYA MEREKA DITEGUR SEKIRANYA MEREKA MELAKUKAN KESILAPAN SEPANJANG PROGRAMINI BERLANGSUNG.

SAYA JUGA BERHARAP AGAR JALINAN KEKELUARGAAN YANG DIMULAKAN PADA PROGRAM BAKSISINI DAPAT DITERUSKAN SETELAH TAMAT PROGRAM NANTI. KEPADA ANAK-ANAK ANGKAT DATANGLAH MENJENGUK KELUARGA ANGKAT MASING-MASING DI SINI UNTUK BERTANYAKAN KHABAR.

BEGITU JUGA DENGAN KELUARGA ANGKAT PARA PELAJAR SUDILAH DATANG KE UTeM UNTUK MELIHAT PERKEMBANGAN ANAK ANGKAT MASING-MASING DI SAMPING DAPAT MELAWAT MELAKA NEGERI BERSEJARAH DI MANA SEGALANYA BERMUKA.

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA SEMUA PIHAK YANG MENJAYAKAN PROGRAM BAKTI SISWAINI DAN SEMOGA PROGRAM YANG BERLANGSUNGINI BENAR-BENAR MEMBERI KEJAYAAN. SEKIAN